

PENAFIAN

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK) BERKAITAN SESI TAKLIMAT RINGKAS ATAU PENDAFTARAN PROGRAM DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (DKM) & SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)

Dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia **TIDAK** pernah mengeluarkan atau membenarkan sebarang surat panggilan **Sesi Taklimat Ringkas atau Pendaftaran Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) & Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** sepertimana yang diketahui sedang dan telah diedarkan kepada para lepasan sekolah dan orang ramai.

Oleh itu, sebarang perakuan kerjasama dan/atau penglibatan JPK dalam sesi ini atau pun yang seumpama dengan nya adalah **dinafikan**.

Bagi mereka yang berminat untuk mengikuti program berkaitan, mereka dinasihatkan untuk terus menghubungi Pusat Bertauliah yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) di bawah subseksyen 25(a) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) dengan mendapatkan maklumat mereka di laman sesawang JPK http://www.dsd.gov.my/JPK_program_list/carian_negeri.php atau menghubungi Jabatan ini di talian 03-8886 5589.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Malaysia

13 April 2016